



INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,
GOVERNMENT AND COMMUNICATION
(IJLGC)

www.ijlgc.com



**PEMBANGUNAN DAN PERATURAN GLOBAL DI NEGARA-
NEGARA EROPAH DAN ASIA**

*DEVELOPMENT AND GLOBAL REGULATION IN EUROPE AND ASIA
COUNTRIES*

Noraniza Yusoff^{1*}

¹ School Of Government, UUM COLGIS, Universiti Utara Malaysia, 06010 UUM Sintok, Kedah Darul Aman, Malaysia

Email: noraniza@uum.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 09.11.2020

Revised date: 15.11.2020

Accepted date: 10.12.2020

Published date: 31.12.2020

To cite this document:

Yusoff, N. (2020). Pembangunan dan Peraturan Global Di Negara-Negara Eropah Dan Asia. *International Journal of Law, Government and Communication*, 5 (21), 182-190.

DOI: 10.35631/IJLGC.5210013.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Pembangunan di dunia dapat dipengaruhi melalui beberapa medium seperti interaksi dengan pembuat dasar, program bantuan antarabangsa dan peraturan antarabangsa. Kepatuhan negara-negara di dunia kepada peraturan antarabangsa dapat mengurangkan kesan negatif dalam pembangunan di negara tersebut. Persoalan kegagalan penguatkuasaan peraturan banyak berlaku di negara kurang maju yang dikaitkan dengan model peraturan yang kurang sempurna. Di samping itu, koordinasi sektor pembangunan dalam aspek kemoralan manusia yang berkaitan dengan peraturan dapat membantu mengatasi masalah kemiskinan dan adalah merupakan pendekatan meso yang difokuskan di peringkat global serta syarikat individu. Oleh itu, kertas konsep ini bertujuan untuk menganalisis pembangunan dan peraturan global di negara-negara Eropah dan Asia. Penelitian menunjukkan terdapat pelbagai penyelesaian masalah keupayaan peraturan yang dialami oleh negara sedang membangun seperti insentif pelaksanaan kod dan piawai semasa berlaku tekanan pasaran dan skim sukarela untuk menyediakan maklumat yang boleh dipercayai dan standard. Oleh itu, kerajaan memainkan peranan untuk menubuhkan matlamat sosial, memfokuskan kepada kebebasan masyarakat sivil, merancang serta mentadbir negara, meningkatkan kemajuan negara dan menghasilkan peraturan yang efektif. Peraturan dalam pentadbiran dan pembangunan mempunyai kesan penting kepada prosedur pentadbiran dan pembangunan kerana peraturan boleh didefinisikan sebagai efektif apabila kesan yang diinginkan telah dicapai serta kepentingan umum yang mencipta peraturan yang diinginkan dan peraturan yang berfungsi. Di samping itu, pengurusan sumber manusia berasaskan hak dapat mencipta pengagihan semula dan pembangunan dalam ekonomi duaan (*dual economy*) yang

menyebabkan peraturan penggunaan dapat menghasilkan sewa yang boleh membiayai peruntukan tenaga kerja untuk pengeluaran yang bebas sumber.

Kata Kunci:

Kemiskinan; Masyarakat Sivil; Pembangunan; Peraturan Global; Perubahan Ekonomi

Abstract:

Development in the world can be influenced through several mediums such as interaction with policymakers, international aid programs, and international regulations. The compliance of countries in the world with international rules can reduce the negative impact on development in the countries. The question of regulatory failure highly occurred in less developed countries associated with imperfect regulatory models. In addition, coordination of the development sector in the aspects of human morality related to regulation can help overcome the problem of poverty and is a meso approach focused globally as well as on individual companies. Therefore, this concept paper aims to analyse global development and regulation in European and Asian countries. Research shows that there are various solutions to regulatory capability problems experienced by developing countries such as code and standard implementation incentives during market pressures and voluntary schemes to provide reliable and standardized information. Thus, the government plays a role in establishing social goals, focusing on the freedom of civil society, planning and governing the country, enhancing the progress of the country, and producing effective rules. Regulation in administration and development has an important impact on administrative and development procedures because regulation can be defined as effective once the desired effect has been achieved as well as the general interest that creating the desired regulation and function regulatory. In addition, rights-based human resource management can create redistribution and development in the dual economy which causes the rules of consumption to produce rent that can finance the allocation of labour for resource-free production.

Keywords:

Poverty, Civil Society, Development, Global Regulation, Economic Change

Pengenalan

Pembangunan di dunia dapat dipengaruhi melalui beberapa medium seperti interaksi dengan pembuat dasar, program bantuan antarabangsa dan peraturan antarabangsa. Kepatuhan negara-negara di dunia kepada peraturan antarabangsa dapat mengurangkan kesan negatif dalam pembangunan di negara tersebut (Dreher, 2006). Persoalan kegagalan penguatkuasaan peraturan banyak berlaku di negara kurang maju yang dikaitkan dengan model peraturan yang kurang sempurna (Laffont, 2003). Koordinasi sektor dalam moral manusia yang berkaitan dengan peraturan dapat membantu mengatasi masalah kemiskinan adalah merupakan pendekatan meso yang difokuskan di peringkat global dan syarikat individu (Kolk dan Van Tulder, 2006). Terdapat pelbagai penyelesaian masalah keupayaan peraturan yang dialami oleh negara sedang membangun seperti insentif pelaksanaan kod dan piawai semasa berlaku tekanan pasaran dan skim sukarela untuk menyediakan maklumat yang boleh dipercayai dan standard. Kerajaan memainkan peranan untuk menubuhkan matlamat sosial, memfokuskan kepada

kebebasan masyarakat sivil, merancang serta mentadbir negara, meningkatkan kemajuan negara dan menghasilkan peraturan yang efektif (Graham dan Woods, 2006).

Peraturan dalam pentadbiran dan pembangunan mempunyai kesan penting kepada prosedur pentadbiran dan pembangunan kerana definisi peraturan menunjukkan bahawa peraturan yang efektif adalah peraturan yang menghasilkan kesan yang diinginkan dan kepentingan awam dapat menghasilkan peraturan yang diinginkan oleh masyarakat serta peraturan dapat berfungsi dengan efektif (De Benedetto, 2018). Pengurusan sumber manusia berasaskan hak dapat menghasilkan pengagihan semula dan pembangunan dalam ekonomi duaan (*dual economy*). Peraturan penggunaan dapat menghasilkan sewa yang boleh membiayai peruntukan tenaga kerja untuk pengeluaran yang bebas sumber (Noack, Riekhof dan Quaas, 2018). Oleh itu, kertas konsep ini bertujuan untuk menganalisis pembangunan dan peraturan global di negara-negara seluruh dunia. Di samping itu, kertas konsep ini dapat mengenal pasti penyelesaian kepada masalah yang dihadapi oleh negara-negara Eropah dan Asia.

Perbincangan

Pembangunan Di Dunia

Tinjauan literatur berkenaan pembangunan di negara-negara dunia seperti Messaoud dan Teheni (2014) yang mengkaji hubungan antara peraturan perniagaan dan pertumbuhan ekonomi di 162 buah negara dalam tempoh tahun 2007 hingga 2011 menggunakan sepuluh indikator dalam menjalankan perniagaan iaitu satu set pemboleh ubah kawalan. Keputusan kajian menunjukkan satu hubungan yang kuat antara indeks peraturan dan pertumbuhan ekonomi kecuali Perdagangan Merentasi Sempadan dan Perniagaan dengan indeks permit pembinaan. Indeks peraturan dan pemboleh ubah kawalan tidak penting dari segi induksi pertumbuhan di Afrika. Penemuan ini mencadangkan beberapa dasar yang dapat membantu negara miskin untuk berkembang lebih cepat. Terdapat banyak faktor pertumbuhan yang berpotensi yang telah dikenal pasti merentasi beberapa tahun yang lepas. Dalam beberapa dekad yang lepas terdapat ulasan karya yang telah meneroka hubungan antara peraturan perniagaan dan prestasi ekonomi.

Semasa tahap awal Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) per kapita dapat mengira proses penumpuan bersyarat. Nisbah perbelanjaan kerajaan dengan KDNK telah digunakan untuk mengukur darjah campur tangan kerajaan iaitu saiz sektor awam. Semakin kecil nisbah semakin tinggi pergantungan kepada pasaran. Messaoud dan Teheni (2014) turut mengira modal manusia iaitu pendaftaran ke sekolah rendah yang merupakan log dalam peratusan kohort yang didaftarkan dalam sekolah rendah dalam tempoh awal. Di samping itu, pembayaran hutang menunjukkan sesebuah negara mempunyai hutang. Fenomena ini menyebabkan sesebuah negara mempunyai masalah hutang dan terdapat negara-negara yang mempunyai hutang yang sangat tinggi. Terdapat perhubungan antara pembayaran hutang luaran dan pertumbuhan ekonomi. Peningkatan nisbah pembayaran hutang mempengaruhi pertumbuhan ekonomi secara negatif. Penurunan kadar pertumbuhan akan mengurangkan keupayaan ekonomi sesebuah negara untuk membayar hutang (Messaoud dan Teheni, 2014).

Pengiraan pembangunan sektor kewangan adalah melalui nisbah kredit domestik swasta dengan KDNK. Ini merujuk kepada sumber kewangan yang disediakan kepada sektor swasta seperti melalui pinjaman, pembelian keselamatan bukan ekuiti dan kredit perdagangan serta lain-lain hutang yang boleh dikira yang menetapkan tuntutan pembayaran semula. Bagi sesetengah negara, tuntutan tersebut termasuk kredit untuk perusahaan awam. Pengiraan kedua

untuk pembangunan sektor kewangan ialah wang dan kuasi wang (M2/GDP) sebagai satu indikator umum dalam saiz relatif pengantara kewangan kepada saiz ekonomi. Ini merupakan purata data untuk tahun-tahun 2007 hingga 2011 (Messaoud dan Teheni, 2014).

Di samping itu, berlaku kemasukan kesan khusus kawasan yang mempunyai faedah pengawalan untuk heterogeniti kawasan yang tidak dikaji. Negara-negara Afrika pada umumnya membentuk satu bahagian penting sampel silang-negara dan kawasan yang mempunyai satu tempat khusus dalam ulasan karya berkenaan pertumbuhan. Negara-negara Afrika telah dicirikan melalui konflik sivil, kesilapan dan pengurusan serta penyakit yang menjadi pemboleh ubah palsu dalam persamaan yang dianalisis. Di samping itu, pengkaji menganalisis ciri-ciri negara-negara Afrika yang mempengaruhi pertumbuhan secara tidak langsung (Messaoud dan Teheni, 2014).

Peraturan Global Di Negara-Negara Eropah Dan Asia

Peraturan global di negara-negara dunia dijelaskan oleh Hofmann, Katzenbach dan Gollatz (2016) bahawa peraturan boleh difahami sebagai campur tangan awam atau swasta yang disasarkan yang bertujuan untuk mempengaruhi tingkah laku individu yang lain. Di samping itu, Meckling (2018) menjelaskan berkenaan keadaan pembangunan dalam peraturan global dan mencadangkan bahawa keadaan pembangunan adalah berkaitan dengan sesebuah negara melabur dalam pembangunan ekonomi yang boleh menjadi satu sumber peraturan alam sekitar global. Melalui dasar industri, keadaan pembangunan dapat menggalakkan perubahan struktur ekonomi dalam sektor yang mengalami masalah pencemaran yang menyokong dasar peraturan global dalam dua cara iaitu pertama dengan menyediakan sokongan negara kepada industri hijau yang mencipta kepentingan ekonomi yang menyokong peraturan global. Kedua ialah menurunkan kos teknologi melalui subsidi kerajaan akan mengubah hasil kerjasama global untuk negara-negara lain. Meckling (2018) memeriksa dua mekanisme yang berkaitan dengan perubahan iklim iaitu kepimpinan global Kesatuan Eropah dan kerjasama antarabangsa berdasarkan Perjanjian Paris. Perbincangan tersebut memajukan teori berkenaan keadaan dalam politik pengawalseliaan (peraturan) global kerana kuasa pembangunan dan pengawal seliaan. Pengkaji mengenal pasti skop penting untuk strategi pembangunan dalam ekonomi utama kepada perubahan struktur kepentingan dan kos sektor yang mengalami pencemaran untuk menyokong peraturan alam sekitar global.

Mayer dan Gereffi (2010) menjelaskan kod tingkah laku korporat, sijil keluaran (barangan), piawai proses dan lain-lain bentuk sukarelawan, dan tadbir urus swasta bukan kerajaan telah muncul dengan pesat dalam dua dekad yang lepas. Inovasi ini adalah satu respons kepada tekanan sosial yang dihasilkan oleh globalisasi dan keadaan dimana tidak cukup institusi kerajaan untuk menangani kesan alam sekitar dan sosial. Tadbir urus swasta menghasilkan beberapa kejayaan penting, tetapi terdapat batasan yang jelas berkenaan perkara yang dijangka dapat dicapai. Mayer dan Gereffi (2010) memfokuskan kepada hipotesis bahawa keberkesanan tadbir urus swasta adalah berdasarkan kepada empat faktor utama. Pertama ialah struktur rangkaian nilai global khusus dalam pengeluaran yang berlaku. Kedua, takat permintaan untuk keluaran firma bergantung kepada identiti jenama. Ketiga, kebarangkalian untuk tindakan kolektif melalui pengguna, pekerja atau lain-lain aktivis untuk mengenakan tekanan kepada pengeluar. Keempat, takat kepentingan komersial dalam firma utama yang selari dengan kepentingan sosial dan alam sekitar. Secara keseluruhannya, hipotesis tersebut mencadangkan bahawa tadbir urus swasta akan berkembang dalam satu set keadaan yang terbatas. Walau bagaimanapun, arah aliran terhadap penyatuan pengeluaran di negara-negara sedang membangun yang tinggi tidak memberi kesan kepada pengukuhan dalam beberapa bentuk

tadbir urus awam. Tadbir urus swasta akan kekal, walau bagaimanapun ini akan dihubungkan dengan kemunculan bentuk institusi pelbagai pemegang taruh (stakeholder).

Peraturan global di negara-negara di dunia turut dikaji oleh Sumkoski dan Halsall (2016) yang menjelaskan berkenaan kesan faktor sosial ke atas peraturan menggunakan Teori Institusi. Teori Institusi adalah berkenaan peraturan memperkenalkan prinsip-prinsip tambahan dalam kebebasan, akauntabiliti dan ketelusan agensi pengawal selia. Walau bagaimanapun, penyelidik menjelaskan bahawa skop teoretikal dan praktikal dalam peraturan dapat diperluaskan dengan memperkenalkan aspek sosial tambahan seperti idea berkenaan penyertaan, kemasukan, kredibiliti dan kesahan. Kerangka teoretikal ditunjukkan dengan satu penyelidikan empirikal dijalankan menggunakan indikator pengawal seliaan infrastruktur yang sedia ada untuk tenaga, pengangkutan dan telekomunikasi yang dibangunkan oleh *Organisation For Economic Co-operation And Development* (OECD) dan khususnya pembinaan semula indikator pengawal seliaan infrastruktur untuk sesebuah negara seperti di Bangladesh dalam tempoh tahun 1975 hingga 2013 untuk menunjukkan data indikator infrastruktur. Keputusan empirikal menunjukkan data menyokong andaian teoretikal dan faktor sosial, ekonomi serta teknikal akan menyebabkan teori dan amalan ke atas peraturan semakin meluas khususnya dalam teori tradisional peraturan. Impak ke atas peraturan dalam faktor sosial yang berbeza seperti kepercayaan, akses kepada maklumat dan ketiadaan rasuah, yang mempromosikan penyertaan, kemasukan, rasa pemilikan dan kesahan yang menunjukkan signifikan bagi negara-negara OECD dan negara Bangladesh.

Jones dan Knaack (2019) menjelaskan badan penetapan-piawai dalam kewangan global mengikut logik teras-pinggir yang mengenakan satu pemisahan antara teras dan pinggir yang saling bertentangan secara kekal antara pengatur-piawai dan pengambil-piawai. Badan penetapan piawai tersebut juga memfokuskan secara eksklusif kepada menggalakkan kestabilan kewangan. Jones dan Knaack (2019) menjelaskan bahawa sifat tersebut akan menyebabkan semakin besar masalah dalam kewangan global dunia pada masa kini. Negara-negara sedang membangun adalah berada di luar badan penetapan piawai yang sangat berintegrasi dalam kewangan global dan adalah tidak penting serta sangat dipengaruhi oleh keputusan pengawal selia. Jones dan Knaack (2019) menggunakan piawai perbankan Basel yang menunjukkan struktur dua peringkat dalam pembuatan keputusan dalam piawai antarabangsa yang menghasilkan impak negatif untuk negara-negara di kawasan pinggir khususnya negara sedang membangun. Jones dan Knaack (2019) menunjukkan fokus kepada peraturan pengantara kredit bukan bank iaitu tumpuan kepada kestabilan kewangan yang boleh beroperasi untuk objektif dasar penting yang lain yang mengalami penurunan termasuk kemasukan kewangan. Strategi untuk memperbaiki penetapan piawai antarabangsa adalah dengan meningkatkan aplikasi piawai perundangan yang pelbagai dan meluaskan fokus penetapan piawai merentasi kestabilan kewangan. Strategi lain adalah mencipta badan penetapan piawai yang baru untuk peraturan teknologi digital yang memformulakan pendekatan yang lebih inklusif dan menyeluruh.

Blanchard dan Giavazzi (2001) menjelaskan deregulasi keluaran dan pasaran buruh adalah secara asasnya berkenaan mengurangkan dan mengagihkan semula sewa, mendorong pelaku ekonomi untuk mengubahsuai dengan pengagihan baru. Oleh itu, walaupun deregulasi akhirnya terbukti bermanfaat, menghasilkan taburan kuat dan kesan dinamik. Peralihan tersebut mungkin menunjukkan penurunan firma yang kukuh. Pengangguran mungkin bertambah dalam tempoh sementara. Gaji sebenar kemungkinan menurun sebelum ekonomi negara pulih dan keadaan ekonomi menjadi berkembang. Pengkaji menggunakan model

berasaskan dua andaian utama iaitu persaingan *monopolistic* dalam pasaran barangan, aspek yang menentukan saiz sewa, dan tawar-menawar di pasaran buruh, yang menentukan taburan sewa antara pekerja dan firma. Peraturan pasaran keluaran adalah menentukan kuasa tawar-menawar pekerja.

Kepatuhan Kepada Peraturan Antarabangsa Untuk Mengurangkan Kesan Negatif Pembangunan Di Asia

Kepatuhan kepada peraturan antarabangsa dapat mengurangkan kesan negatif ke atas pembangunan yang diterangkan dalam tinjauan literatur dan ini dapat menunjukkan bahawa peranan pemerintahan yang mengawal selia dengan berkesan dapat mempengaruhi usaha untuk menggalakkan pertumbuhan dan pembangunan ekonomi. Situasi ini telah menghasilkan minat yang besar dalam kalangan penyelidik dan pengamal sejak beberapa tahun kebelakangan ini untuk menjalankan kajian dalam aspek tersebut. Pembinaan struktur pengawal seliaan yang berkesan di negara sedang membangun adalah merupakan satu persoalan reka bentuk teknikal dalam instrumen pengawal seliaan yang sesuai dan juga berkaitan dengan kualiti institusi dan keupayaan pengawal seliaan yang menyokong (Jalilian, Kirkpatrick dan Parker, 2006).

World Bank Group (2019) menjelaskan Amalan Pengawal Seliaan Baik (*Good Regulatory Practices/GRP*) merupakan aplikasi sistematik dalam instrumen, institusi dan prosedur yang kerajaan boleh bersiap sedia untuk memastikan bahawa hasil pengawal seliaan adalah efektif, telus, inklusif dan mampan. Istilah lain yang telah digunakan untuk GRP adalah termasuk tadbir urus pengawal seliaan dan peraturan yang baik. Alat GRP paling umum yang telah digunakan oleh kerajaan adalah perundingan awam, analisis impak pengawal seliaan *ex ante* (*ex ante regulatory impact analysis/RIA*), kajian *ex post* peraturan sedia ada, penyederhanaan pentadbiran, akses kepada undang-undang dan peraturan, perancangan pengawal seliaan ke depan dan fungsi pengawasan pengawal seliaan. Pengkaji memfokuskan kepada GRP kerana amalan ini memperbaiki persekitaran pengawal seliaan yang dapat meningkatkan keadaan pertumbuhan mampan dan pelaburan. Malaysia telah menunjukkan bahawa peraturan yang mesra perniagaan dan persekitaran pengawal seliaan yang menyokong dapat menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan pelaburan. Kejayaan reformasi peraturan Malaysia telah ditunjukkan dalam banyak indikator antarabangsa seperti Global Indicators Of Regulatory Governance, Worldwide Governance Indicators, Doing Business dan World Economic Forum yang mengukur beban peraturan kerajaan serta ketelusan proses pembuatan dasar. Indikator antarabangsa yang mengukur prestasi GRP menunjukkan bahawa Malaysia adalah berada satu aras dengan negara-negara OECD berpendapatan tinggi.

Lobel (2009) menganalisis aspek ekonomi dalam konteks undang-undang buruh dan pekerjaan yang merupakan satu usaha untuk mengaplikasikan teori ekonomi untuk menjelaskan fakta empirikal berkenaan peraturan dalam perhubungan pekerjaan dan menyediakan ramalan positif dan analisis normatif yang berguna untuk pembuat dasar. Tulisan tersebut menjelaskan kepentingan aspek teoritikal dan empirikal yang telah dijalankan sehingga hari ini dengan spektrum yang lebih luas berkenaan undang-undang buruh dan pekerjaan merangkumi mengawal kontrak pekerjaan, persatuan, perundingan kolektif, gaji minimum, insuran kesihatan, gaji eksekutif, pampasan pekerja, pengangguran, kesihatan dan keselamatan pekerjaan, diskriminasi, keperluan keluarga, latihan dan pekerja hamba dan lain-lain.

Penyelarasan Sektor Pembangunan Di Eropah

Koordinasi sektor pembangunan dalam aspek kemoralan manusia yang berkaitan dengan peraturan dapat membantu mengatasi masalah kemiskinan (Kolk dan van Tulder, 2006).

Pembentukan badan penyalarsan strategik dengan ahli daripada agensi yang berbeza dan ditadbir oleh undang-undang serta peraturan yang berbeza dapat difahami sebagai satu jawapan kepada permintaan untuk memperbaiki penjagaan rakyat yang terselaras dengan keperluan yang kompleks seperti penjagaan untuk orang tua (Johansson dan Liljegren, 2019). Di samping itu, Dolvik dan Marginson (2018) mengkaji perubahan dalam peraturan upah kolektif di lima negara Eropah utara sejak tahun 2000 yang memfokuskan kepada penyalarsan merentasi sektor, artikulasi antara aras dan penentuan siling gaji. Perubahan lebih awal dalam memfungsikan penyusunan tawar-menawar gaji di negara Jerman memberikan tekanan kepada negara-negara utara yang lain. Di Finland, para majikan baru-baru ini mendorong perubahan daripada dasar pendapatan tiga pihak kepada tawar-menawar berbentuk dipimpin oleh pembuatan yang menambahkan skop perundingan terdesentralisasi. Ini menjadikan penyusunan rakyat Finland lebih serupa dengan negara-negara berdekatan seperti Iceland, Norway, Denmark dan Sweden yang dikategorikan sebagai negara Nordic, yang dikenalpasti sebagai penyesuaian sederhana. Perbezaan terus berlaku dalam peraturan siling gaji. Peningkatan generalisasi undang-undang yang dipersetujui secara kolektif berkenaan gaji minimum telah memindahkan Jerman dan Norway lebih dekat ke negara Finland, sementara Denmark dan Sweden masih bergantung semata-mata kepada perundingan bersama. Pendekatan majikan dan negara dari pelbagai sudut terhadap peraturan gaji adalah tidak selaras dengan tuntutan terbaru dalam satu transformasi neoliberal merentasi ekonomi terselaras di bahagian utara.

Penyelesaian Masalah Keupayaan Peraturan

Penyelesaian masalah keupayaan peraturan dapat dilihat melalui usaha untuk mengukur undang-undang menghasilkan satu proses untuk menjelaskan cara undang-undang memberi kesan ke atas kehidupan manusia. Oleh itu, akauntabiliti adalah terhasil sebagai satu elemen penting peraturan undang-undang. Pada masa kini, akauntabiliti adalah dicipta melalui mahkamah dan lain-lain forum. Pluralisme undang-undang adalah sesuatu yang umum seperti piawai untuk akauntabiliti yang boleh dijadikan norma daripada aras tempatan, kebangsaan dan antarabangsa yang ditetapkan oleh organisasi awam dan swasta secara formal dan tidak formal. Mengukur status dan kemajuan bidang undang-undang memerlukan kajian berkenaan mekanisma akauntabiliti (Barendrecht, 2011). Peraturan global semakin bergantung kepada alternatif peraturan undang-undang yang disebut dengan cara yang berbeza-beza iaitu “*soft law*”, “*best-practice rules*” dan “*standards*”. Daripada ketiga-tiga istilah tersebut, “*best-practice rules*” adalah sangat berkesan manakala “*standards*” mempengaruhi manusia berdasarkan kepakaran berkenaan asas yang dipercayai dan penguatkuasaan oleh sektor awam dan swasta. Istilah “*standards*” telah berkembang secara global kerana dianggap lebih sesuai dengan autonomi peraturan negara berbanding dengan arahan yang mengikat (menggunakan fungsi mahkamah). “*Standards*” global dianggap lebih berkesan dan menghasilkan persoalan berkenaan cara kawalan demokrasi. Peluang untuk mengamalkan piawai global menentukan akauntabiliti yang sebahagian besarnya bergantung kepada cara keputusan berkenaan piawai dihasilkan. Pandangan tersebut ditunjukkan melalui contoh peraturan global pasaran kewangan. Bukti penyelidikan menunjukkan bahawa “*standards*” atau piawai yang perlu diberikan perhatian yang lebih tinggi (Kerwer, 2005).

Kesimpulan

Secara keseluruhannya dapat dijelaskan bahawa dalam beberapa dekad yang lepas terdapat ulasan karya yang telah meneroka hubungan antara peraturan perniagaan dan prestasi ekonomi yang menunjukkan pembangunan dan peraturan global di negara-negara dunia. Di samping itu, peraturan boleh difahami sebagai campur tangan awam atau swasta yang disasarkan dan

bertujuan untuk mempengaruhi tingkah laku individu yang lain. Objektif tersebut merujuk kepada objektif pembangunan sesebuah negara dan keadaan pembangunan adalah berkaitan negara melabur dalam pembangunan ekonomi yang boleh menjadi satu sumber peraturan alam sekitar global. Walau bagaimanapun, tadbir urus swasta akan kekal, dan ini akan dihubungkan dengan kemunculan bentuk institusi pelbagai pemegang taruh. Ini dapat dihubungkan dengan badan penetapan piawai yang memfokuskan secara eksklusif kepada menggalakkan kestabilan kewangan. Oleh itu, peraturan pasaran keluaran adalah menentukan kuasa tawar-menawar pekerja. Peranan pemerintahan yang mengawal selia dengan berkesan dalam menggalakkan pertumbuhan dan pembangunan ekonomi telah menghasilkan minat yang besar dalam kalangan penyelidik dan pengamal. Di samping itu, Malaysia telah menunjukkan bahawa peraturan yang mesra perniagaan dan persekitaran pengawal seliaan yang menyokong dapat menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan pelaburan. Pembentukan badan penyaluran strategik dengan ahli daripada agensi yang berbeza dan ditadbir oleh undang-undang serta peraturan yang berbeza dapat difahami sebagai satu jawapan kepada permintaan untuk memperbaiki penjagaan rakyat yang terselaraskan dengan keperluan yang kompleks seperti penjagaan untuk orang tua. Di samping itu, istilah “standards” mempengaruhi manusia dan telah berkembang secara global kerana dianggap lebih sesuai dengan autonomi peraturan negara berbanding dengan arahan yang mengikat.

Perakuan

Kertas kerja konsep ini adalah kategori pembiayaan sendiri.

Rujukan

- Barendrecht, M. (2011). Rule of Law, Measuring and Accountability: Problems to be Solved Bottom Up. *Hague Journal on the Rule of Law*, 3(2), 281-304. Doi:10.1017/S1876404511200071
- Blanchard, O. dan Giavazzi, F. (2001). *Macroeconomic effects of regulation and deregulation in goods and labor markets*. The National Bureau Of Economic Research. NBER Working Paper No. 8129, February 2001. Atas talian pada 7 Oktober 2020, dari <https://www.nber.org/papers/w8120>
- De Benedetto, M. (2018). Effective Law from a Regulatory and Administrative Law Perspective. *European Journal of Risk Regulation*, 9(3), 391-415. Doi:10.1017/err.2018.52
- Dølvik, J. E. dan Marginson, P. (2018). Cross-sectoral coordination and regulation of wage determination in northern Europe: Divergent responses to multiple external pressures. *European Journal of Industrial Relations*, 24(4): 409-425. Doi: 10.1177/0959680118790820
- Dreher, A. (2006). IMF and economic growth: the effects of programs, loans, and compliance with conditionality. *World Development*, 34(5): 769-788. Doi: <https://doi.org/10.1016/j.worlddev.2005.11.002> Get rights and content
- Graham, D. dan Woods, N. (2006). Making corporate self-regulation effective in developing countries. *World Development*, 34(5): 868-883. Doi: <https://doi.org/10.1016/j.worlddev.2005.04.022>
- Hofmann, J., Katzenbach, C. dan Gollatz, K. (2016). Between coordination and regulation: Finding the governance in Internet governance. *New Media & Society*. 2017;19(9):1406-1423. Doi:10.1177/1461444816639975
- Jalilian, H., Kirkpatrick, C. dan Parker, D. (2006). *The impact of regulation on economic growth in developing countries: a cross-country analysis*. Atas talian pada 25 Oktober 2020, dari <https://core.ac.uk/download/pdf/138148.pdf>

- Johansson, S., dan Liljegren, A. (2019). Democratic Accountability in Strategic Coordination Bodies - An Investigation of Governance in Swedish Elder Care. *International journal of integrated care*, 19(3), 2. <https://doi.org/10.5334/ijic.4207>
- Jones, E. dan Knaack, P. (2019). Global financial regulation: shortcoming and reform options. *Global Policy*, 10(2): 193-206. Doi: <https://doi.org/10.1111/1758-5899.12656>
- Kerwer, D. (2005). Rules that many use: standards and global regulation. *Governance*, 18(4): 611-632. Doi: <https://doi.org/10.1111/j.1468-0491.2005.00294.x>
- Kolk, A. dan Van Tulder, R. (2006). Poverty alleviation as business strategy? Evaluating commitments of frontrunner multinational corporations. *World Development*, 34(5): 789-801. Doi: <https://doi.org/10.1016/j.worlddev.2005.10.005>
- Laffont, J. (2003). Enforcement, Regulation and Development. *Journal of African Economies*, 12(suppl_2: 1 September 2003): ii193–ii211. Doi: https://doi.org/10.1093/jae/12.suppl_2.ii193
- Lobel, O. (2009). National regulation in a global economy: new governance approaches to 21st century work law. Dalam Dau-Schmidt, K. G., Harris, S. D. dan Lobel, O. (ed.). *Labor and Employment Law and Economics*. Edward Elgar Publishing. Atas talian pada 7 Oktober 2020, dari https://ideas.repec.org/h/elg/eechap/13000_22.html
- Mayer, F. dan Gereffi, G. (2010). Regulation and economic globalization: prospects and limits of private governance. *Business And Politics*, 12(3): 1-25. Doi: 10.2202/1469-3569.1325
- Meckling, J. (2018). The developmental state in global regulation: economic change and climate policy. *European Journal Of International Relations*, 24(1): 58-81. Doi: <https://doi.org/10.1177/1354066117700966>
- Messaoud, B. dan Teheni, Z. E. G. (2014). Business regulations and economic growth: what can be explained? *International Strategic Management Review*, 2(2): 69-78. Doi: <https://doi.org/10.1016/j.ism.2014.03.001>
- Noack, F., Riekhof, M. dan Quaas, M. (2018). Development in a dual economy: the importance of resource-use regulation. *Journal Of Association Of Environmental And Resource Economists*, 5(1). Atas talian pada 21 September 2020, dari <https://www.journals.uchicago.edu/doi/abs/10.1086/694222>
- Sumkoski, G. dan Halsall, J. (2016). Towards socio-economic theory and practice of regulation. Evidence from OECD countries and Bangladesh. *Journal Of Cogent Social Science*, 2(1). DOI: 10.1080/23311886.2016.1254840
- World Bank Group. (2019). Regulatory Governance for Development and Growth: Malaysia's Experience with Good Regulatory Practices. World Bank, Malaysia. © World Bank. The Malaysia Development Experience Series. <https://openknowledge.worldbank.org/handle/10986/32440> License: CC BY 3.0 IGO.”